

05 FEB 1999

Abdullah-Pemilihan

PEMILIHAN CAWANGAN UMNO DITANGGUH SEHINGGA LEPAS PILIHAN RAYA UMUM

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Umno hari ini menangguhkan pemilihan parti peringkat cawangan yang sepatutnya diadakan tahun ini sehingga selepas pilihan raya umum nanti.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Majlis Tertinggi Umno bersetuju supaya pemilihan itu ditangguhkan untuk membolehkan parti memberi tumpuan penuh kepada kerja membantu kerajaan dan membuat persiapan perlu bagi pilihan raya akan datang.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat MT Umno yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno di sini petang ini.

Abdullah, yang juga seorang daripada naib presiden parti, berkata Dr Mahathir akan melawat ke negeri-negeri bagi mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin parti dan orang ramai tidak lama lagi.

Katanya ketua-ketua perhubungan Umno negeri diarahkan untuk membuat persiapan, bermula dengan lawatan ke Sabah sekembalinya Dr Mahathir dari luar negeri.

Abdullah diminta Dr Mahathir mengadakan persidangan berita itu kerana beliau meninggalkan mesyuarat untuk mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Kemboja Hun Sen, yang sedang dalam lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Abdullah berkata Perdana Menteri akan menentukan jadual lawatan beliau ke seluruh negara sebaik pulang daripada menghadiri persidangan G-15 di Jamaica.

Antara tujuan lawatan itu, katanya, ialah untuk mendekati pemimpin-pemimpin parti di peringkat bahagian dan cawangan serta mengadakan perbincangan mengenai masalah yang dihadapi sama ada berkaitan kerajaan atau parti.

"Ini keputusan yang sangat baik diambil oleh Dr Mahathir dan disokong penuh oleh MT," katanya yang enggan mengulas apabila ada pertanyaan pemberita sama ada lawatan itu menandakan pilihan raya umum sudah dekat.

Abdullah berkata pada mesyuarat itu MT juga bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa jalan raya tol hanya akan dibina jika para pengguna sanggup dan boleh membayar tol.

Dr Mahathir sebelum ini pernah mengumumkan bahawa tidak ada lagi jalan raya tol akan dibina, walaupun kadar keselamatan penggunaannya lebih tinggi daripada jalan biasa, berikutan pandangan berbeza orang ramai terhadap kenaikan kadar tol 0.75 sen sekilometer yang diumumkan baru-baru ini.

Abdullah berkata MT hari ini juga bersetuju memberikan sokongan penuh kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah dalam menghadapi pilihan raya negeri itu yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Umno akan turun ke Sabah memberi segala sokongan dan bantuan kepada Barisan Nasional di sana dan kita akan juga mendapatkan bantuan parti-parti komponen BN yang lain.

"Kita menyedari adanya isu yang ditimbulkan oleh parti pembangkang di Sabah yang niat dan tujuannya untuk melahirkan kebencian dan kesangsian di kalangan rakyat Sabah tentang kehadiran pemimpin BN peringkat nasional.

"Kita mendapat persetujuan Umno Sabah supaya rakyat Sabah dimaklumkan bahawa kehadiran kita adalah untuk manfaat mereka, untuk menjamin bahawa kerajaan BN yang telah berjasa kepada Sabah dan rakyat Sabah...akan dapat diteruskan," katanya, yang mengharapkan sokongan padu pengundi di Sabah kepada BN.

-- BERNAMA
MNY RON